

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO' SERI DR. SITI HASMAH BT HAJI MOHD. ALI
DI MAJLIS PEMBAHARUAN PERKHIDMATAN KESIHATAN LUAR BANDAR,
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
SEMPENA PERASMIAN KLINIK KESIHATAN LAKA TEMIN DAN MAKMAL
KAWALAN MUTU MAKANAN BUKIT KAYU HITAM
DI KLINIK KESIHATAN LAKA TEMIN, KUBANG PASU, KEDAH
PADA HARI JUMAAT, 26 MEI 2000
JAM 10.00 PAGI**

Saya ingin memanjatkan rasa syukur saya kepada Ilahi kerana dengan kurniaan dan keredaan-Nya sahaja dapat kita semua berkumpul di sini dengan aman dan selesa. Syukur alhamdulillah.

2. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kerana telah sudi menjemput saya pada hari yang berbahagia ini bagi menyampaikan ucapan dan merasmikan majlis ini seterusnya. Setelah mendengar pembaharuan yang telah dicapai dalam perkhidmatan kesihatan luar bandar saya berasa amat terharu kerana ia mengimbas kembali satu nostalgia dalam kerjaya saya semasa bertugas di Daerah Kubang Pasu sebagai Pegawai Kesihatan Daerah dan Pengetua, Sekolah Latihan Kesihatan Luar Bandar pada tahun 1966 hingga 1974.

3. Di waktu itu Daerah Langkawi masih lagi di bawah pentadbiran Daerah Kubang Pasu. Sebagai Pegawai Kesihatan semasa itu tanggungjawab saya adalah menyeluruh kerana belum wujud Pegawai Kesihatan Ibu dan Anak, Pegawai Kesihatan Vektor, Pegawai Epidemiologi dan sebagainya di peringkat negeri untuk membantu dari segi teknikal dan penyelarasan.

4. 40 tahun dahulu Mukim Laka Temin ini masih di anggap kawasan hitam kerana kawasan sarang komunis. Tiada siapa berani masuk dalam kawasan ini tanpa risiko terserempak dengan pihak komunis yang bersembunyi di dalam hutan belukar Mukim Laka Temin. Selama itu, Mukim ini dan penduduknya terbiar dari segi semua kemudahan kesihatan.

Mereka terpaksa ke Changloon atau ke Kodiang untuk menerima perkhidmatan. Tak kiralah, penyakit-penyakit malaria, kepialu dan yang bersangkutan dengan bekalan air yang tidak bersih dan tidak cukup, menjadi masalah yang utama di sini.

5. Saya masih terkenang betapa sukarnya keadaan semasa itu dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada orang awam yang masih di selubungi kepercayaan-kepercayaan lama dengan pengetahuan yang amat rendah tentang kesihatan. Selain dari itu kemudahan asas seperti jalan dan perhubungan komunikasi dan kemudahan kesihatan serta peralatan tidak sebaik yang terdapat sekarang dalam membantu perkhidmatan yang disampaikan.

6. Ketika dahulu, saya masih ingat lagi bagaimana seorang ibu yang sarat hendak bersalin perlu tunggu keputusan dari keluarga dan tok bidan sebelum berikhtiar dibawa ke hospital atau kelinik kesihatan yang berdekatan. Masa amat penting sekali dalam menyelamatkan nyawa ibu dan anak yang di kandung tetapi sukar sekali mendapat mandat dari orang-orang tua untuk bertindak cepat. Akhirnya, nyawa ibu atau anak atau kedua-duanya sekali terkorban.

7. Jalan raya belum sampai ke mukim dan kampung-kampung. Ibu yang turun darah selepas bersalin, terpaksa dikandung dalam kain sarung dari rumahnya ke tepi jalan untuk menaiki kereta ke hospital. Sementara itu, tiada jururawat Desa atau bidan Kerajaan yang boleh memberi suntikan kecemasan menahan pendarahan itu dan sekali lagi, ketika tiba akhirnya di Hospital Alor Setar, ibu telah pucat lesu dan tenat. Rawatan diberi dengan segera, uri yang tersangkut dikeluarkan, anak yang tersangkut diselamatkan, ibu yang pucat di tambah darah berbotol-botol tanpa masalah HIV/AIDS dan lain-lain. Kematian ibu-ibu amatlah tinggi.

8. Bagi kanak-kanak pula, dalam tahun-tahun 50 hingga 60-an kanak-kanak yang berumur 5 tahun ke bawah menderita dengan penyakit cacing dan kekurangan zat makanan. Perut kanak-kanak buncit, muka pucat dan badan lesu kerana cacing. Bagaimanalah hendak berbadan sihat sedangkan apa jua yang dimakan diguna oleh cacing. Akibatnya, kanak-kanak tidak bermaya, tiada daya tahanan melawan jangkitan penyakit-penyakit dan terdedahlah

mereka kepada penyakit-penyakit pembunuh kanak-kanak seperti malaria, diphtheria, tibi, polio, kancing gigi, batuk khol dan sebagainya.

9. Dari segi kebersihan alam sekitar pula, sampah sarap merata-rata tempat. Air acar bertakung di bawah dapur bercampur dengan baki makanan nasi, lauk dan sebagainya. Tidak hairanlah lalat dan serangga-serangga lain membiak berleluasa. Bekalan air dari telaga yang tidak menentu, seringkali kering atau payau. Apa tah lagi tandas-tandas yang tidak sempurna langsung. Dari tandas belakang pokok dan sungai ke tandas lubang simen, tandas Jitra hinggalah yang terancang sekarang.

10. Syukur alhamdulillah, kemajuan yang ada, serta perkembangan teknologi telah banyak membantu bagi memudahkan perkhidmatan kesihatan disampaikan kepada masyarakat terutama di luar bandar, pada masa kini.

11. Pencapaian perubahan-perubahan ini amatlah jelas sekali jika kita lihat perangkaan penting kesihatan yang telah semakin baik. Sejak kemerdekaan sehingga tahun 1996, dalam masa 39 tahun, jangka hayat kita telah banyak meningkat.

12. Bagi wanita jangka hayat telah meningkat dari 58.2 ke 74.1 tahun. Bagi lelaki jangka hayat telah meningkat dari 55.8 ke 69.3 tahun.

Begitu juga dengan kadar-kadar petunjuk kesihatan yang telah bertambah baik secara keseluruhan seperti:

	<u>*1964</u>	<u>*1980</u>	<u>*1998</u>	<u>*1999</u>
Kadar kematian Perinatal/1,000 kelahiran (lahir mati & bawah 1 minggu)	38.3	27.4	9.5	
Kadar kematian bayi (bawah 1 thn)/1,000	48.5	24.0	6.7	
Kadar kematian kanak-kanak (1-4 thn)/1,000	5.8	2.0	0.4	
Kadar kematian ibu/1000 lahir hidup	2.1	0.63	0.6	

*Bagi Semenanjung Malaysia sahaja.

13. Penyakit-penyakit berjangkit kanak-kanak dikawal dengan suntikan-suntikan vaksin atau makan ubat. Penyakit puru, untut dan kusta di kawal dengan kempen-kempen dan ubat penisilin.

14. Masalah kanak-kanak kekurangan zat makanan banyak berkurangan dengan adanya projek-projek di kampung-kampung. Kejayaan ini patut dibanggakan oleh semua kakitangan kesihatan terutama yang bertugas di kawasan luar bandar kerana pencapaian ini adalah hasil penat lelah kita yang kita jalankan sejak dahulu, dan hasilnya dinikmati sekarang.

15. Namun begitu tidaklah bererti masalah kesihatan berkurangan, kerana penumpuan kini telah beralih kepada lain-lain masalah yang “baru”. Kepekaan Kementerian Kesihatan dalam hal ini telah menghasilkan pembaharuan dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan di luar bandar supaya masalah ini dapat ditangani mengikut perkembangan keadaan.

16. Dahulu Kementerian Kesihatan telah banyak berusaha bagi menjalankan aktiviti pencegahan supaya penduduk tidak meninggal di usia yang muda. Kini jangka hayat kita telah menjadi semakin panjang. Kementerian Kesihatan sekarang perlu pula memastikan jangka hayat yang panjang ini di warnai dengan kualiti kehidupan dengan memberi kesihatan yang lebih baik supaya kita tidak hidup menderita dan memerlukan bantuan dan membebankan orang lain di sepanjang jangka hayat yang panjang ini. Penduduk Malaysia akan mempunyai warga tua yang bertambah banyak di masa hadapan seperti negara-negara maju contohnya di Jepun. Dalam tahun 1988, Malaysia mempunyai 1.3 juta atau 5.9% warga tua (60 tahun ke atas). Menjelang tahun 2020 dianggarkan 3.8 juta atau 11.3% adalah warga tua. Jika sekiranya kita menjadi warga tua kita mahu kita sentiasa sihat bukan sering sakit atau terlantar di tempat tidur atau terhad pergerakan di rumah sahaja bertahun-tahun sebelum meninggal.

17. Begitu juga dengan lain-lain peringkat umur, walaupun sihat dari segi fizikal, kesihatan mental juga perlulah sihat untuk mengecapi kehidupan yang lebih bermakna. Kajian telah menunjukkan lebih kurang 11% penduduk berumur 16 tahun ke atas mengalami masalah kesihatan mental dalam pelbagai keadaan termasuk tekanan perasaan hingga ke masalah

kesihatan mental yang teruk. Keadaan ini boleh membawa kepada pelbagai masalah sosial seperti deraan, mengamuk, serangan seksual, membunuh diri dan lain-lain kemungkinan yang buruk.

18. Masalah remaja yang merokok, ketagihan arak, menagih dadah, dijangkiti HIV/AIDS atau penyakit kelamin akan memberi kualiti hidup yang tidak bermakna, sedangkan mereka adalah aset yang begitu berharga bagi negara. Maka dengan itu, kesihatan remaja juga perlu diberi perhatian sewajarnya.

19. Pembangunan pelbagai sektor pekerjaan masa kini telah mendedahkan kita kepada pelbagai masalah kesihatan yang berkaitan dengan pekerjaan. Jika masalah ini diabaikan satu masa nanti ianya akan menjadi tidak terkawal. Semasa itu kesannya sudah pasti menjejaskan kualiti hidup kita sepanjang usia.

20. Langkah kementerian dalam mengembangkan "pembaharuan" skop perkhidmatan yang disampaikan melalui penjagaan kesihatan primer serta meningkatkan "pembaharuan" dari segi infrastruktur kesihatan dan tenaga manusia di kawasan luar bandar amatlah bertepatan dan kena pada masanya bagi memastikan kesihatan ke arah kehidupan yang berkualiti sepanjang hayat.

21. Perlaksanaan lain-lain program kesihatan luar bandar juga telah banyak membantu dalam peningkatan taraf kehidupan di luar bandar seiring dengan pembangunan kesihatan keluarga. Projek-projek sistem sanitari seperti pembinaan tandas, di mana "Jitra Bowl" telah diperkenalkan semasa saya berkhidmat dahulu. Begitu juga dengan bekalan air bersih dengan pembinaan telaga pam, bekalan air melalui "gravity feed system" dan saluran air limbah yang teratur serta pembuangan sampah sarap yang sempurna. Penglibatan orang-orang kampung dalam projek-projek ini telah meningkatkan taraf penduduk di luar bandar.

22. Tanggungjawab Kementerian Kesihatan telah dikendalikan sewajarnya. Tetapi masyarakat juga perlu memainkan peranan mereka dalam mencapai misi dan wawasan yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan. Tidak bermakna jika Kementerian mengujudkan

"accessibility" dengan perancang pembinaan kemudahan-kemudahan kesihatan yang baik, memberi kesaksamaan perkhidmatan di luar bandar dan bandar, serta memastikan keupayaan kos perkhidmatan yang paling rendah di rantau ini, jika masyarakat tidak menghargai dan memberi kerjasama dengan menggunakan kemudahan ini dengan berkesan dan sewajarnya, maka akan gagallah matlamat Kerajaan.

23. Selama ini saya gembira atas sambutan masyarakat terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang telah disampaikan namun masih banyak lagi yang boleh dipertingkatkan bukan sekadar sebagai penerima perkhidmatan sahaja, malah individu dan masyarakat boleh memainkan peranan dengan memberi kerjasama serta melibatkan diri mereka.

24. Sekurang-kurangnya individu dapat menentukan sendiri apa yang perlu dalam penjagaan kesihatan diri secara "self empowerment" dengan mempelajari, mengetahui dan mengikuti perkembangan promosi-promosi yang dijalankan oleh kesihatan dalam cara hidup sihat dan sebagainya untuk mengekalkan kesihatan bagi mencapai pradigma kesejahteraan atau "wellness" bagi seluruh rakyat Malaysia.

25. Selain itu saya juga difahamkan terdapat pelbagai badan di kalangan masyarakat dan remaja yang telah ditubuhkan bagi melibatkan mereka dalam penjagaan kesihatan. Di antaranya ialah Panel Penasihat Klinik Kesihatan, Sahabat Klinik Kesihatan, Kelab PROSTAR (Program Sihat Tanpa AIDS Untuk Remaja) dan pelbagai lagi yang boleh diasuh dan diberi galakan supaya menjadi pemangkin dalam meningkatkan penjagaan kesihatan di kalangan masyarakat dengan lebih berkesan secara berterusan.

26. Pada hari ini saya amat berbangga kerana Kementerian Kesihatan Malaysia sememangnya berada di landasan yang betul dengan membuat "pembaharuan" dalam perkhidmatan kesihatan di luar bandar serta mengubah pradigma dengan mempromosikan kesejahteraan dalam penjagaan kesihatan, setelah berjaya menurunkan kadar kematian di kalangan penduduk. Saya juga percaya Kementerian Kesihatan juga akan terus membuat pembaharuan dan kemajuan bagi menjamin tahap kesihatan yang baik untuk rakyat.

27. Pendek kata, yang lalu kita jadikan pengajaran, yang sekarang kita beri tumpuan dan yang akan datang kita jadikan wawasan. Rakyat Malaysia khususnya, penduduk-penduduk di Mukim Bukit Temin ini, harus bersyukur atas segala nikmat yang kita sedang memperolehi sekarang. Bukan semua Kerajaan yang boleh merancang dan membekalkan kemudahan-kemudahan kesihatan bagi rakyatnya seperti kita dapati di negara Malaysia yang tercinta ini. Percayalah apa yang saya katakan ini kerana saya telah melawat beberapa negara di dunia ini dan melihat keadaan rancangan-rancangan kesihatan mereka. Ada yang lebih canggih dari kita tetapi terbanyak yang lebih buruk dari kita. Oleh itu sama-samalah kita bersyukur atas kemudahan-kemudahan kesihatan yang kita perolehi sekarang. Harapan saya di suatu masa nanti rakyat akan mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam penjagaan kesihatan diri dan asas dalam pencegahan penyakit dengan gaya hidup yang lebih sihat berlandaskan budaya dan agama kita. Sesungguhnya, kesihatan adalah satu tiang agama kita kerana tanpa kesihatan yang sempurna, kita tidak dapat melaksanakan kewajipan kita terhadap Tuhan, bangsa dan negara.

28. Dengan ini, dengan lafaz Bismillahir rahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Klinik Kesihatan Laka Temin dan Makmal Kawalan Mutu Makanan Bukit Kayu Hitam sempena Pembaharuan Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar, Kementerian Kesihatan Malaysia.
